

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 / 6 Mac 2017****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Uagama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
pukul 9.50 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, hari Isnin 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua, kita sama-sama dapat hadir pada pagi ini, di Dewan yang mulia ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita

Saidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya persidangan yang diadakan pada pagi ini sememangnya sangat signifikan malah amat bersejarah kerana pada hari ini, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dilangsungkan dan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, ada baiknya kita menyelesaikan perkara yang di hadapan kita pada pagi ini lebih dahulu.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:**

Perkara II, Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 13 hari bermula pada 25 hingga 29 Jamadilawal 1437 dan 1 hingga 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan 5 hingga 22 Mac 2016 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun meneliti Minit

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah pun diedarkan sebelum ini. Walau macam manapun, jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat pindaan ataupun perubahan, maka saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyatakannya.

Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai sebarang ulasan dan pindaan maka dengan itu saya ingin sekarang bertanya yang bersetuju bagi kita untuk meluluskan Minit Mesyuarat ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit-Minit Mesyuarat yang telah dibentangkan ini dipersetujui dan diluluskan tanpa pindaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, sebentar lagi akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan demikian, saya tangguhkan dulu Persidangan ini bagi membolehkan kita menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke Majlis ini.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)**

**T I T A H**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETIGA BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI ISNIN, 7 JAMADILAKHIR 1438 BERSAMAAN 6 MAC 2017**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

**Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula bersama-sama di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi**

**Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.**

**Beta terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli di atas pelantikan semula dan juga Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik.**

**Beta juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bekas-bekas Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di atas sumbangan mereka di dalam persidangan-persidangan majlis yang lalu.**

**Beta berharap, dengan pelantikan ahli-ahli baharu akan membawa kesan yang baik dan positif kepada persidangan ini. Beta percaya ahli-ahli akan dapat menandai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan.**

**Dalam persidangan inilah, ahli-ahli akan berpeluang untuk membincang atau membahas isu-isu yang dianggap mustahak. Di antara isu mustahak itu ialah yang berkaitan dengan ekonomi.**

**Kita semua sudah sedia maklum, bahawa keadaan ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan. Walaupun pada akhir-akhir ini, harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif. Namun begitu, kita masih saja perlu terus**

**berwaspada kerana harga minyak dunia dijangka berada pada paras yang rendah tanpa mungkin dianggarkan tempohnya. Maka kerana itu, Kerajaan Beta perlu terus giat untuk mempelbagaikan ekonomi negara.**

**Alhamdulillah, sejak kebelakangan ini, usaha ke arah ini, sudah mula menampakkan kesan, walaupun hasilnya yang diraih masih memerlukan masa.**

**Dari segi pelaburan, kita mula mendapati banyak pelabur-pelabur asing telah memberikan perhatian mereka terhadap potensi negara sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.**

**Beberapa projek pelaburan langsung asing akan memulakan operasi mereka. Sementara ada juga yang sudah di tahap pelaksanaan. Sedang beberapa cadangan pelaburan baharu, lagi masih dalam penelitian.**

**Perkembangan ini, tentunya positif. Ia bukan saja dari sudut pengukuhan ekonomi, malahan juga kesan impaknya akan dapat kita perolehi.**

**Dari peningkatan aktiviti ekonomi, akan membawa lebih banyak lagi wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Namun dengan perkembangan ini, janganlah pula kita cepat-cepat berpuas hati.**

Tetapi usaha pembaharuan adalah masih perlu diteruskan, kerana transformasi ekonomi memerlukan perancangan jangka panjang. Matlamat kita ialah untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Selaras dengan ini, beta telah pun memperkenankan untuk diwujudkan Zon Perdagangan Bebas (*Free Trade Zone*). Dengan wujudnya zon ini akan memudahkan lagi aktiviti pelaburan, terutama dalam sektor pembuatan.

Satu lagi keutamaan Kerajaan beta ialah meningkatkan nilai dan prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan *GLC's*. Syarikat-syarikat ini termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan melalui usaha sama dengan pelabur-pelabur asing akan mampu untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, khususnya di sektor bukan minyak dan gas.

Di samping itu sektor swasta juga akan terus diberi keutamaan untuk membina keupayaan dalam aktiviti-aktiviti perusahaan mikro kecil dan sederhana (*MSME*), selaras sebagai usaha menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan, perusahaan mikro kecil dan sederhana ini.

Beta telah pun memperkenankan penubuhan *SME Bank*. Penubuhan

bank ini dapatlah diharapkan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah, *accessible financial* bagi mendukung aktiviti-aktiviti perniagaan di negara ini. Bank ini akan beroperasi berdasarkan konsep syariahsyariah *compliance*.

Apa pun rancangan semuanya turut bergantung kepada sumber tenaga manusia. Inilah masalah kita di Brunei, sumber tenaga tempatan masih sahaja bermasalah.

Di samping masalah terlalu memilih kerja, juga jadi masalah ialah sudah dapat kerja di sektor swasta tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti. Balik semula memilih jadi penganggur.

Berkaitan ini, beta telah memperkenankan satu Program *Apprenticeship* untuk mewujudkan khusus bagi graduan-graduan yang masih mencari pekerjaan. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2017, insya-Allah. Ia akan dikenali sebagai Program *i-Ready*, khusus sebagai platform bagi para graduan memasuki alam pekerjaan sama ada di sektor swasta atau sektor awam.

Menyentuh mengenai keperluan tenaga manusia, penyediaan asas ilmu pengetahuan adalah utama. Maka ke arah ini pencapaian penuntut-penuntut peringkat sekolah rendah sehingga ke

peringkat menengah adalah perlu untuk diberikan penekanan. Maka untuk itu agensi-agensi berkenaan perlulah merangka perancangan yang *actionable* dan *realistic* serta *cost effective* agar semua isu dapat ditangani secara berkesan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Juga perlu diambil perhatian bahawa pendidikan masa kini tidak hanya terhad di bilik-bilik darjah sahaja tetapi banyak ilmu, maklumat dan kemahiran boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi, *internet* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat.

Namun dalam kehairahan memanfaatkan teknologi canggih ini kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan termasuk penggunaan media social untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah.

Semua ini boleh mengundang kepada bencana, kita berharap semua pihak perlu turut menyedari dan mengambil perhatian serius mengenainya.

Akhirnya, beta berharap Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun ini akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara strategik untuk

mengukuhkan lagi kemajuan sosioekonomi negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-besar negara).

**(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**



**(Majlis Mesyuarat  
bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua :**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya jua istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar tadi.

Oleh yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini, saya tangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 8 Jamadilakhir 1438 bersamaan dengan 7 Mac 2017 pada pukul 9.00 pagi. Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**